



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**(Perbadanan) Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan
Perusahaan 1971**

DR.72/1971

**RANG UNDANG² (PERBADANAN) INSTITIUT
NEGARA BAGI PENYELIDEKAN SAINS DAN
PERUSAHAAN, 1971**

SUSUNAN FASAL²

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Fasal

1. Tajok ringkas dan kuatkuasa.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II
INSTITIUT**

3. Penubohan Institiut.
4. Tugas Institiut.

**BAHAGIAN III
MAJLIS**

5. Penubohan Majlis.
6. Ahli² Majlis.
7. Kuasa² Majlis.

**BAHAGIAN IV
PENGARAH DAN KAKITANGAN INSTITIUT**

8. Perlantekan dan tugas² Pengarah Institiut.
9. Lain² pegawai dan pekerja Institiut.
10. Jadual hendak-lah di-pakai.

**BAHAGIAN V
KUMPULANWANG DAN AKAUN**

11. Kumpulanwang.
12. Anggaran.
13. Akaun dan Odit.
14. Laporan Tahunan.

BAHAGIAN VI

TAMBAHAN

Fasal

15. Bayaran.
16. Hasil-pendapatan, chiptan, dsb., ada-lah hak kepunyaan Institiut.
17. Pemakaian Kanun Keseksaan.
18. Erti pegawai dan pekerja.
19. Kuasa Majlis membuat kaedah².
20. Arahan² Menteri.
21. Pemansokhan.

JADUAL

BAHAGIAN V

KUMPULANWANG DAN AKAUN

11. Kumpulnawang.
12. Anggaran.
13. Akaun dan Odor.
14. Laporan Tahunan.

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi memperbadankan Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara² yang bersangkutan dengan-nya.

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen dan, dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta (Perbadanan) Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan, 1971 dan hendak-lah berkuatkuasa di-seluruh Malaysia.

Tajok
ringkas
dan
kuatkuasa.

2. Dalam Akta ini melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Institiut” erti-nya Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan;

“Majlis” erti-nya Majlis Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan;

“Menteri” erti-nya Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab bagi Institiut;

“Pengarah” erti-nya Pengarah Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan;

“Pengerusi” atau “Naib Pengerusi” masing² erti-nya Pengerusi atau Naib Pengerusi Majlis Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan;

“tahun kewangan” erti-nya suatu tahun yang bermula pada 1hb Januari.

BAHAGIAN II

INSTITIUT

Penubohan
Institiut.

3. Maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu badan yang di-namakan Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan.

Tugas
Institiut.

4. Ada-lah menjadi tugas² Institiut memajukan, menyelaras dan menjalankan penyelidekan sains dan perusahaan dan bagi maksud itu Institiut boleh—

- (a) menjalankan ujian², penyiasaan² dan penyelidekan² dengan apa² chara yang di-fikirkan baik oleh Institiut dengan tujuan hendak memperbaiki proses dan chara² teknik yang di-gunakan dalam perusahaan dan mendapatkan proses dan chara² yang boleh memajukan perkembangan perusahaan² yang sedia ada atau yang boleh menambah kemajuan perusahaan² baharu atau penggunaan yang lebeh baik akan hampasan² keluaran;
- (b) memberi nasihat atas soal² jenis sains, teknologi atau tekno-ekonomi mengenai penggunaan hasil bumi dan kemajuan enterprais² pengeluaran dan perkhidmatan² yang berkaitan;
- (c) memajukan latehan bagi pekerja² penyelidekan dalam lapangan sains dan perusahaan;
- (d) menjalankan, atau bekerjasama dalam penyediaan, penyiaran dan penyibaran maklumat sains dan teknik yang berguna;
- (e) bekerjasama dengan jabatan² Kerajaan, yayasan² penyelidekan, universiti², maktab² teknik, per-tubohan² teknik atau sains dan lain² badan untuk memajukan penyelidekan sains dan perusahaan dan latehan bagi penyiasat² dalam bidang sains jati dan sains gunaan, pakar² teknik, ahli² per-tukangan dan artisan²;
- (f) membantu dengan apa² chara lain dalam memajukan penyelidekan sains dan perusahaan dan latehan teknik; dan
- (g) am-nya menjalankan apa² jua hal dan perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan tugas²-nya di-bawah Akta ini.

BAHAGIAN III

MAJLIS

5. Bagi maksud mengarah dan mengurus hal ehwal Institiut, maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan Majlis Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan yang akan menjadi suatu pertubohan perbadanan yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan yang boleh mendakwa dan di-dakwa atas nama-nya dan juga, tertaklok kapada dan bagi maksud Akta ini, ia boleh membuat kontrek, dan ada-lah berkuasa memperolehi dan memegang harta aleh atau harta takaleh, dan melepaskan harta itu atau pun membuat apa² urusan berkenaan dengan-nya.

Penubohan
Majlis.

6. (1) Majlis hendak-lah terdiri daripada ahli² yang berikut :

Ahli²
Majlis.

- (a) sa-orang Pengerusi;
- (b) Pengarah Institiut;
- (c) sa-orang wakil Jabatan Perdana Menteri;
- (d) sa-orang wakil Perbendaharaan;
- (e) sa-orang wakil Kementerian Teknologi, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan;
- (f) sa-orang wakil Kementerian Perdagangan dan Perusahaan;
- (g) sa-orang wakil Kementerian Pertanian dan Tanah;
- (h) Pengarah Pusat Piawaian Malaysia;
- (i) empat orang ahli sains, dua orang daripada mereka hendak-lah dari yayasan² pelajaran tinggi;
- (j) enam orang ahli yang mewakili perusahaan, tidak lebeh daripada empat orang daripada mereka hendak-lah dari bahagian pengilangan perusahaan.

(2) Ahli² yang tersebut dalam sekshen-kechil (1) sekshen ini, lain daripada ahli² yang tersebut dalam perenggan (b) hingga (h) sekshen-kechil itu, hendak-lah di-lantek oleh Menteri dan, melainkan jika ia berhenti atau perlantekannya di-batalkan terlebih dahulu, tiap² orang ahli itu hendak-lah memegang jawatan tertaklok kapada apa² syarat sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Menteri; dan ada-lah layak di-lantek sa-mula :

Dengan syarat bahawa mana² ahli yang tersebut dalam perenggan (i) dan (j) sekshen-kechil (1) sekshen ini tidak boleh memegang jawatan bagi tempoh lebeh daripada tiga tahun pada sa-suatu masa.

(3) Tertaklok kapada sekshen-kechil (4) sekshen ini, Menteri boleh melantek sa-saorang menjadi sa-bagai Naib Pengerusi dari antara ahli² Majlis atas apa² sharat sa-bagai mana yang di-tetapkan oleh Menteri dan Naib Pengerusi itu hendak-lah menjalankan kuasa² dan menyempurnakan kewajiban² Pengerusi di-bawah Akta ini, jika, dalam sa-suatu tempoh oleh kerana tidak ada atau oleh kerana tidak berupaya bertindak oleh sebab sakit atau lain² sebab, Pengerusi tidak berupaya menjalankan kuasa² atau menyempurnakan kewajiban² jawatan-nya.

(4) Pengarah Institiut yang tersebut dalam perenggan (b) sekshen-kechil (1) sekshen ini tidak-lah layak di-lantek sa-bagai Naib Pengerusi.

(5) Peruntukan² perenggan 1, 2 dan 3 dalam Jadual kapada Akta ini hendak-lah berkuatkuasa berkenaan dengan Majlis.

Kuasa²
Majlis.

7. Dengan tidak menyentoh sekshen 5, Majlis ada-lah berkuasa melakukan sa-chara am segala hal dan perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan tugas² Institiut.

BAHAGIAN IV

PENGARAH DAN KAKITANGAN INSTITIUT

Perlantikan
dan tugas²
Pengaroh
Institiut.

8. (1) Bagi maksud Akta ini maka hendak-lah ada sa-orang Pengarah bagi Institiut yang di-lantek oleh Majlis dengan kelulusan Menteri.

(2) Pengarah hendak-lah di-lantek atas apa² sharat sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Majlis dengan kelulusan Menteri.

(3) Pengarah hendak-lah menjadi ketua pegawai kerja bagi Institiut dan hendak-lah menyempurnakan apa² kewajiban dan menjalankan apa² kuasa sa-bagaimana yang di-tetap atau di-wakulkan oleh Majlis.

(4) Jika, dalam sa-suatu tempoh, oleh kerana tidak ada atau oleh kerana tidak berupaya bertindak oleh sebab sakit atau lain² sebab, Pengarah tidak berupaya menjalankan kuasa² dan menyempurnakan kewajiban² jawatan-nya atau jika jawatan Pengarah menjadi kosong pada masa itu maka Pengerusi, dengan kelulusan Menteri, hendak-lah melantek sa-orang pegawai kanan Institiut bertindak sa-bagai

Pengarah dan pegawai itu hendak-lah menjalankan kuasa² dan menyempurnakan kewajipan² Pengarah sa-hingga sa-suatu masa apabila sa-orang Pengarah lain di-lantek menurut sekshen-kechil (2) sekshen ini:

Dengan sharat bahawa pegawai kanan yang di-lantek untok bertindak itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa² perbincangan atau keputusan Majlis berkenaan dengan perlantekan sa-orang Pengarah dan hendak-lah terkeluar bagi maksud menchukupi koram Majlis untok apa² perbincangan atau keputusan itu.

9. Majlis boleh dari sa-masa ka-samasa, atas apa² sharat perkhidmatan sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Majlis, melantek dan mengambil bekerja pegawai² dan pekerja² yang pada pendapat Majlis perlu untok melaksanakan per-untokan² Akta ini dengan sa-patut-nya.

Lain²
pegawai
dan pekerja
Institiut.

10. Peruntokan² perenggan 4 dalam Jadual kapada Akta ini hendak-lah berkuatkuasa berkenaan dengan sharat² perkhidmatan bagi pegawai² dan pekerja² Institiut.

Jadual
hendak-lah
di-pakai.

BAHAGIAN V

KUMPULANWANG DAN AKAUN

11. Bagi maksud Akta ini, maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu kumpulanwang yang akan di-tadbir dan di-kawal oleh Majlis—

Kumpulan-
wang.

(a) yang ka-dalam-nya akan di-masokkan—

(i) apa² wang yang di-peruntokkan dari sa-masa ka-samasa oleh Parlimen bagi maksud Institiut;

(ii) segala wang yang di-terima oleh Institiut daripada pungutan bayaran² dan jualan² apa² penerbitan;

(iii) segala wang yang di-terima oleh Institiut menurut sekshen 16 (2) (a) Akta ini;

(iv) apa² pemberian atau wang yang di-terima sa-bagai sumbangan, wakaf, hadiah atau pemberian-wasiat dari mana² puncha yang mungkin di-beri kapada atau untok Institiut; dan

(v) segala wang lain yang mungkin dengan apa² chara kena di-bayar atau terletakhak pada Institiut berkenaan dengan apa² perkara yang bersampingan dengan tugas² atau pelaksanaan kuasa² dan kewajipan² Majlis; dan

(b) yang dari-nya akan di-bayar—

(i) apa² perbelanjaan sa-bagaimana yang diluluskan oleh Menteri bagi mana² satu tahun berhubung dengan pentadbiran dan tugas² Institiut dan Majlis; dan

(ii) apa² perbelanjaan lain sa-bagaimana yang boleh di-bayar menurut peruntukan² Akta ini.

Anggaran.

12. (1) Sa-belum permulaan bulan September tiap² satu tahun Majlis hendak-lah menghantar kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasok perbelanjaan bagi projek² pembangunan) bagi tahun yang berikut-nya mengikut apa² bentok dan dengan mengandongi apa² butir sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Menteri, dan Menteri itu hendak-lah sa-belum permulaan bulan November tahun itu memberitahu kepada Majlis jumlah wang yang di-benarkan untuk perbelanjaan am-nya atau jumlah² wang yang di-benarkan bagi tiap² satu jenis perbelanjaan.

(2) Majlis boleh pada bila² masa menghantar kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana² satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana² bahagian perbelanjaan tambahan yang di-masokkan dalam anggaran tambahan itu.

Akaun
dan Odit.

13. (1) Majlis hendak-lah menyimpan dengan sa-patut-nya semua akaun dan rekod lain berkenaan dengan perjalanannya, dan hendak-lah menyediakan penyata² akaun bagi tiap² satu tahun kewangan.

(2) Akaun Majlis hendak-lah di-odit tiap² tahun oleh Juru Odit Negara atau oleh juru odit lain yang di-lantek oleh Majlis dengan kelulusan Menteri.

(3) Sa-lepas berakhir tiap² satu tahun kewangan, dan sa-lepas sahaja akaun² Majlis di-odit, Majlis hendak-lah mengarahkan satu salinan penyata akaun itu di-hantar kepada Menteri, bersama dengan satu salinan apa² pandangan yang di-buat oleh Juru Odit Negara atau oleh juru odit lain yang di-lantek di-bawah sekshen-kechil (2) mengenai mana² penyata atau mengenai akaun² Majlis itu.

(4) Menteri hendak-lah dengan sa-berapa segera yang boleh mengarahkan supaya satu salinan tiap² penyata dan perhatian itu di-bentangkan dalam tiap² satu Majlis Parlimen.

14. (1) Majlis hendak-lah tidak lewat daripada 31hb Mach tiap² satu tahun mengarahkan supaya di-buat dan di-hantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan kegiatan² Majlis dalam masa tahun yang lalu dan mengandongi apa² maklumat sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Menteri dari sa-masa ka-samasa berhubung dengan perjalanan dan dasar Majlis.

Laporan
Tahunan.

(2) Menteri hendak-lah dengan sa-berapa segera yang boleh mengarahkan supaya satu salinan tiap² laporan itu di-bentangkan dalam tiap² satu Majlis Parlimen.

BAHAGIAN VI TAMBAHAN

15. Majlis boleh dari sa-masa ka-samasa menetapkan bayaran yang akan di-kenakan berkenaan dengan apa² penyelidekan, penyiasatan, ujian, nasihat atau apa² perkhidmatan lain yang di-minta di-beri atau di-jalankan oleh Institiut.

Bayaran.

16. (1) Hak-kepunyaan mengenai hasil-pendapatan, chiptaan dan perbaikan mengenai apa² proses, alat dan mesin yang di-buat oleh mana² pegawai atau pekerja Institiut dalam masa menjalankan tugas jawatan-nya atau dalam masa pegawai atau pekerja itu bekerja dengan atau dalam perkhidmatan Institiut ada-lah terletakhak pada Institiut.

Hasil-
pendapatan,
chiptaan
dsb.,
ada-lah
hak-
kepunyaan
Institiut.

(2) Tiada apa² dalam sekshen-kechil (1) sekshen ini boleh menghalang Majlis dengan kelulusan Menteri daripada—

(a) mengadakan hasil-pendapatan, chiptaan dan perbaikan, sa-bagaimana tersebut dalam sekshen-kechil (1) di-atas, untok sa-siapa jua tertaklok kepada pembayaran apa² bayaran atau royalti dan kepada apa² syarat, jika ada, sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Majlis dengan persetujuan Menteri; dan

(b) membayar bonos kepada mana² pegawai atau pekerja Institiut berkenaan dengan apa² hasil-pendapatan atau chiptaan yang berguna yang di-buat oleh pegawai atau pekerja itu.

Pemakaian
Kanun
Keseksaan.
N.M.B.
Bab 45,
Ord. Sabah
3/59,
Sarawak
Bab 57.

17. (1) Semua ahli Majlis, pegawai dan pekerja Institiut hendak-lah di-sifatkan sa-bagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan yang berkenaan.

(2) Kechuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud apa² pembicharaan jenayah di-bawah Akta ini, tiada sa-saorang ahli Majlis, pegawai atau pekerja Institiut boleh membukakan apa² maklumat berkenaan dengan mana² satu perniagaan yang telah di-dapati oleh-nya dalam masa menjalankan kewajipan²-nya dan yang tidak di-siarkan menurut Akta ini; dan sa-siapa yang melanggar peruntokan sekshen-kechil ini ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada satu tahun atau denda dan penjara itu kedua²-nya.

Erti
pegawai
dan
pekerja.

18. Bagi maksud Bahagian ini, perbahasaan “pegawai dan pekerja” hendak-lah di-sifatkan sa-bagai termasuk Pengarah Institiut.

Kuasa
Majlis
membuat
kaedah².

19. Majlis boleh dengan kelulusan Menteri membuat apa² kaedah sa-bagaimana yang difikirkan-nya perlu atau mustahak bagi melaksanakan maksud² dan peruntokan² Akta ini dengan chara lebeh baik.

Arahan²
Menteri.

20. Menteri boleh memberi arahan² sa-chara am kapada Majlis, yang tidak berlawanan dengan peruntokan² Akta ini, tentang menjalankan kuasa² dan tugas² Majlis dan Institiut.

Peman-
sokhan.

21. Ordinan No. 44 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

JADUAL

(Sekshen 6 (5) dan 10)

1. Orang² yang berikut ada-lah hilang kelayakan daripada di-lantek atau daripada menjadi ahli Majlis—

(a) sa-saorang yang tidak sempurna akal atau oleh kerana apa² sebab lain tidak berupaya menjalankan kewajipan-nya;

(b) sa-saorang yang telah di-thabitkan sa-suatu kesalahan dan di-jatohkan hukuman penjara bagi tempoh tidak kurang daripada satu tahun;

(c) sa-saorang yang telah di-thabitkan sa-suatu kesalahan mengenai penipuan, kechurangan atau keburokan akhlak; dan

(d) sa-saorang bankrap.

2. Sa-saorang ahli Majlis hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mengosongkan jawatan-nya—

(a) apabila ia mati;

(b) apabila ia meletakkan jawatan;

(c) apabila ia tidak menghadhiri meshuarat Majlis tiga kali berturut² tanpa kebenaran Menteri;

(d) jika ia hilang kelayakan di-bawah perenggan (1) di-atas,

dan sa-orang ahli baharu hendak-lah di-lantek menurut peruntokan Akta ini.

3. (1) Majlis hendak-lah bermeshuarat sa-kurang²-nya dua kali sa-tahun dan sa-lain daripada itu Majlis hendak-lah bermeshuarat apabila di-panggil oleh Pengerusi.

(2) Kehadiran sembilan orang ahli ada-lah menchukupi koram dalam mana² meshuarat Majlis.

(3) Jika mengenai apa² soal yang hendak di-putuskan oleh Majlis bilangan undi sama banyak-nya, maka Pengerusi atau Naib Pengerusi yang bertindak bagi pihak Pengerusi hendak-lah memberi undi pemutus.

(4) Tertaklok kapada Akta ini, Majlis hendak-lah menetapkan achara-nya sendiri.

(5) Minit² hendak-lah di-simpan mengenai segala meshuarat Majlis dan salinan²-nya hendak-lah di-hantar kapada Menteri.

(6) Majlis boleh melantek apa² jua Jawatankuasa jika di-fikirkan-nya patut.

(7) Meteri Majlis hendak-lah di-sahkan oleh Pengerusi atau oleh Naib Pengerusi apabila bertindak bagi pihak Pengerusi dan sa-orang ahli Majlis yang lain dan apa² suratan yang berupa sa-bagai di-meterikan dengan meteri tersebut dan yang di-sahkan saperti tersebut di-atas hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-sempurnakan dengan sah sa-hingga akas-nya di-buktikan.

4. (1) Sharat² perkhidmatan bagi pegawai² dan pekerja² Majlis ada-lah di-kehendaki di-luluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

(2) Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri dan dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat kaedah² bagi menuboh dan menguruskan suatu kumpulanwang simpanan yang di-charum bagi Pengarah, dan pegawai² dan pekerja² Institiut dan bagi membayar penchen, elaun atau ganjaran kapada Pengarah, pegawai² dan pekerja² tersebut apabila bersara atau berhenti memegang jawatan sa-bagai Pengarah, pegawai² dan pekerja² sa-demikian.

(3) Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peruntokan² bagi memberi pinjaman kapada Pengarah, pegawai² dan pekerja² Institiut untuk membeli kereta motor, basikal atau rumah.

HURAIAN

Menurut kuasa² dharurat Yang di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan Ordinan No. 44 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 untuk menubuhkan Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan, dan untuk membuat peruntokan berkenaan dengan perkara² yang bersangkutan dengan-nya. Rang Undang² ini bertujuan untuk memasukkan peruntokan² Ordinan yang tersebut di-atas itu dalam undang² yang kekal.

Penubohan Institiut itu telah lama di-rasakan perlu untuk memberi dorongan dan untuk menggiat dan menyokong kemajuan usaha² sains sa-lanjut-nya di-bidang perusahaan.

Bahagian I Rang Undang² itu ada-lah sa-mata² berkenaan dengan luas pemakaian-nya dan tafsiran berbagai² istilah yang di-gunakan dalam Rang Undang² itu.

Bahagian II menubuhkan Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan dan Fasal 4 menetapkan berbagai² tugas Institiut itu.

Peruntokan² bagi penubohan Majlis Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan ada di-peruntokkan dalam Bahagian III. Fasal 6 menetapkan keanggotaan Majlis, perlantekan ahli² dan sharat² mengenai perlantekan itu.

Bahagian IV memberi kuasa kepada Majlis dengan kelulusan Menteri untuk melantek sa-orang Pengarah bagi Institiut yang akan menjadi ketua pegawai kerja. Kuasa juga di-beri kepada Majlis untuk melantek dan mengambil bekerja pegawai² dan pekerja² yang perlu.

Bahagian V ada-lah berkenaan dengan kumpulanwang Institiut itu dan menetapkan perbelanjaan yang boleh di-lakukan, achara membuat anggaran dan menyimpan akaun dan menghantar laporan tahunan.

Peruntokan² tambahan ada di-peruntokkan dalam Bahagian VI. Antara peruntokan² itu ia-lah peruntokan² berhubung dengan hasil-pendapatan, chiptaan dan perbaikan mengenai apa² proses yang di-buat oleh pegawai² dan pekerja² Institiut dan hasil-pendapatan, chiptaan dan perbaikan itu hendak-lah terletaklah pada Institiut.

Jadual kepada Rang Undang² itu menetapkan hilang kelayakan dan penamatan daripada menjadi ahli Majlis dan achara meshuarat Majlis. Perenggan 4 Jadual itu menetapkan sharat² perkhidmatan bagi pegawai² dan pekerja² Majlis. [P.N. (U²) 149.]